



MAJLIS REKABENTUK MALAYSIA (MRM)

KENYATAAN AKHBAR UNTUK SIARAN SEGERA

MERAIKAN IDEA KREATIF DAN INOVATIF **HASIL REKAAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN**

Kuala Lumpur, 28 Januari 2014 – Bagi mengiktiraf bakat-bakat muda tempatan dalam menghasilkan idea yang kreatif dan inovatif, Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), agensi strategik rekabentuk nasional di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi hari ini telah menganjurkan **Majlis Penyampaian Hadiah Cabaran Rekabentuk Nasional 2013 (Peringkat Universiti)**.

Kesemua 20 pemenang menerima hadiah yang disampaikan oleh **Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri** dengan disaksikan oleh YB Dato' Dr Ewon Ebin, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YBhg Dato' Dr Mohd. Azhar Haji Yahya, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta YBhg Dato' Prof. Dr Ahmad Haji Zainuddin, Pengerusi, Majlis Rekabentuk Malaysia.

Cabaran Rekabentuk Nasional 2013 (Peringkat Universiti) telah dilancarkan pada Mac 2013 dan disertai oleh para pelajar dari sembilan Institusi Pengajian Tinggi Tempatan di seluruh negara.

Dengan keseluruhan jumlah wang tunai yang ditawarkan sebanyak **RM80,000.00**, **berserta trofi dan sijil pemenang**, Cabaran Rekabentuk Nasional mengiktiraf kebolehan dan kreativiti para pelajar dari Institusi Pengajian Tinggi Tempatan di atas keupayaan mereka menghasilkan idea yang berdaya saing tinggi dan berpotensi untuk dikomersilkan.

Menerusi program ini, para peserta dicabar untuk mencadang dan menterjemahkan idea rekabentuk yang menjurus kepada penyelesaian masalah. Untuk memastikan idea yang dicadangkan benar-benar praktikal dan menepati keperluan masyarakat, para peserta dikehendaki mengadakan kerjasama dengan mana-mana Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang telah mereka kenalpasti.

Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) telah diberi mandat oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk menerajui dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti rekabentuk di Malaysia agar setanding di peringkat global.

Dikeluarkan oleh : Sekretariat Perhubungan Awam
Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM)
Tingkat 11 & 12, West Wing
Menara MATRADE,
Jalan Khidmat Usaha Off Jalan Duta
50480 Kuala Lumpur

Pertanyaan : Puan Razita Abdul Razak
Eksekutif Kanan, Perhubungan Awam
razita@mrm.gov.my

Encik Ismail Rosdi
Ketua Program
Pertandingan Rekabentuk Malaysia
ismail@mrm.gov.my

Tel : 03 6203 0030

Faks : 03 6203 0093